



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

27 OKTOBER 2022 (KHAMIS)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

27 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

Belum bincang bentuk hukuman

Tindakan terhadap pelajar yang menjual PerantiSiswa

KUALA LUMPUR

Kerajaan belum membincangkan sebarang bentuk tindakan termasuk sama ada menyenaraihitamkan pelajar yang didapati menjual PerantiSiswa Keluarga Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Setakat ini, kita tidak membincangkan lagi dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM). Perkara itu mereka akan tengok kembali," kata beliau kepada pemberita selepas majlis perasmian Kompleks Media City yang dikenali sebagai Angkasapuri Kota Media di sini pada Rabu.

Namun begitu, Perdana Menteri menyeru pelajar yang menerima bantuan kemudahan itu agar tidak menjualnya demi mencapai hasrat kerajaan membantu golongan B40.

"Jadi janganlah mencari keuntungan jangka pendek dengan menjual (PerantiSiswa) kerana jangka panjang lebih penting bagi mereka untuk menggunakan PerantiSiswa demi meningkatkan mutu pembelajaran demi masa depan mereka," jelas beliau.

PerantiSiswa diberikan kepada pelajar institusi pengajian tinggi dari keluarga B40 dalam usaha memudahkan proses pembelajaran pada era digital kini. Tablet Galaxy Tab A8 diberikan bersama papan

kekunci dan juga stylus kepada mereka yang menerimanya.

Ketika pengenalan inisiatif PerantiSiswa sebelum ini, kerajaan menyatakan pelajar perlu memulangkan kembali tablet yang diterima pada penghujung pembelajaran mereka.

Namun, kerajaan mengubah keputusan tersebut dan memilih memberi terus tablet PerantiSiswa kepada pelajar.

Pada Selasa, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, sebanyak 14 kes penjualan semula PerantiSiswa telah dikesan di seluruh negara serta penelitian berhubung isu itu juga sedang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Sementara itu, Annuar dalam ucapan alu-aluannya berkata, pelaksanaan projek pembangunan Angkasapuri Kota Media adalah menerusi kaedah kerjasama awam dan pihak swasta melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Annuar turut merakamkan penghargaan kepada menteri-menteri K-KOMM sebelum ini yang terlibat dalam menjayakan pembinaan Media City ini.

"Projek telah bermula secara rasminya pada Disember 2016 dan diteruskan semasa musim PKP. Kejayaan ini akan memulakan era baharu dalam penyiaran negara," jelasnya.

Dengan kos keseluruhan berjumlah RM860 juta, bangunan Media City yang baru beroperasi ini mempunyai 18 tingkat merangkumi ruang pejabat, auditorium berkapasiti 1,000 orang, studio rakaman muzik dan studio latihan muzik, tiga buah studio TV (M1, M2 dan M3), ruang letak kereta bertingkat dan plaza, serta garaj kenderaan siaran luar. - Bernama



ISMAIL SABRI

Isu tiket penerbangan mahal akan dibincangkan



Rosol (tengah) berbual dengan penerima kotak sumbangan barang keperluan pada Majlis Ramah Mesra Program Food Bank Malaysia bersama mahasiswa.

KUALA NERUS – Kerajaan memandang serius isu harga tiket penerbangan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang didakwa semakin meningkat menjelang hari pengundian pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, perkara tersebut perlu diberi perhatian bagi mengelak isu tambang menjadi penghalang rakyat pulang mengundi.

Menurutnya, walaupun kawalan harga tiket penerbangan bukan di bawah KPDNHEP, namun beliau akan mengambil tanggungjawab untuk menyalurkan isu berkenaan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia.

"Kita harap pihak berwajib mengambil tindakan supaya isu ini tidak menghalang rakyat menunaikan tanggungjawab mereka untuk mengundi.

"Kita akui segala masalah pengguna akan melalui kita (KPDNHEP) dan aduan dikemukakan disalurkan kepada ke-

menterian terlibat," katanya ketika Majlis Ramah Mesra Program Food Bank Malaysia Bersama Mahasiswa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini pada Rabu.

Sebelum ini, Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin menggesa Kementerian Pengangkutan menyelesaikan isu peningkatan harga tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak yang sangat mahal ketika ini.

Menurutnya, tanpa campur tangan kementerian, situasi itu bakal merugikan negara kerana antara kelompok terbesar pengundi di Malaysia iaitu golongan mahasiswa dijangka paling ramai terjejas akibat kenaikan tambang berkenaan.

Untuk rekod, seramai 10.6 juta pengundi berusia 18 hingga 39 tahun akan menjalankan tanggungjawab mengundi dan daripada jumlah tersebut, seramai 1.3 juta pengundi berusia 18 hingga 20 tahun.

67 peruncit dibenar tambah stok 30%

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan membenarkan tambahan stok sebanyak 30 peratus kepada 67 peruncit di negeri itu bermula 1 November.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, tindakan dilakukan sebagai persediaan menghadapi musim banjir dijangka tidak lama lagi.

"Setakat ini kami cukup bersedia untuk musim tengkujuh kecuali berlaku perkara di luar kawalan.

"Biasanya tambahan dilakukan pada awal November. Barangan yang ditam-

bah biasanya beras, ayam, telur dan barangan keperluan asas lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjalankan Pematuhan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2002 di sebuah pasar raya di Pengkalan Chepa, di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, Azman berkata, jika berlaku bencana di luar jangkauan pihaknya akan mendapatkan bekalan negeri yang tidak terlibat banjir bagi membolehkan keperluan barangan kepada orang ramai tidak terputus.



AZMAN memeriksa harga barangan di sebuah pasar raya di Pengkalan Chepa.

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM13.05	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM10.99
• Daging Lembu Tempatan	RM38	• Ikan Kembung	RM11.50	• Bawang Besar Holland	RM2.89	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
• Daging Lembu Import	RM50.90	• Minyak Masak	RM7.06	• Bawang Putih	RM4.99	• Tepung Gandum	RM2.60

*Marga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



A rectangular sign with a white background and a red border. At the top left is a red circular logo with a white fuel nozzle. To the right of the logo, the text reads "New fuel prices" in bold black font, followed by "Oct 27 - Nov 2" in a smaller black font. Below this, there are three rows of fuel prices, each separated by a horizontal line. The first row shows "RON95" in black, "RM2.05" in red, and "(unchanged)" in black. The second row shows "RON97" in black, "RM3.95" in red, and "(unchanged)" in black. The third row shows "DIESEL" in black, "RM2.15" in red, and "(unchanged)" in black.

New fuel prices	
Oct 27 - Nov 2	
RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM3.95 (unchanged)
DIESEL	RM2.15 (unchanged)

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 OKTOBER 2022

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Oct	Oh telur, di mana kau telur?	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/227628	SH
27-Oct	Malaysia Can't Afford To Import Chicken Eggs, Minister Suggests RM20 Million Monthly Subsidy	https://www.google.com/amp/s/www.therakyatpost.com/news/malaysia/2022/10/26/malaysia-cant-afford-to-import-chicken-eggs-minister-suggests-rm20-million-monthly-subsidy/amp/	THERAKYATPOST
27-Oct	Bagi subsidi ikan kembung untuk rakyat	https://www.kosmo.com.my/2022/10/26/bagi-subsidi-ikan-kembung-untuk-rakyat/	KOSMO
27-Oct	CERITA PAGI PERLIS: KPDNHEP PERLIS HADAPI MUSIM MONSUN TIMUR LAUT	https://youtu.be/hQCcM7Z7SVI	BERITARTM
27-Oct	Seven nabbed, almost RM1m in cash and assets seized	https://www.thesundaily.my/local/seven-nabbed-almost-rm1m-in-cash-and-assets-seized-MC10037597	THESUNDAILY
27-Oct	14 Kes Jual PerantiSiwa Dikesan, Tindakan Tegas Akan Dikenakan – Annuar	https://suara.tv/25/10/2022/14-kes-jual-perantisiwa-dikesan-tindakan-tegas-akan-dikenakan-annuar/	SUARATV
27-Oct	Media berfungsi untuk kongsi berita sahih	https://sarawak-voice.com/2022/10/27/media-berfungsi-untuk-kongsi-berita-	SARAWAKVOICE
27-Oct	Kartel ayam, 5 pengeluar diberi lanjutan masa kemuka representasi, kata Rosol	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/408269	THEMALAYSIANINSIGHT
27-Oct	Five producers given more time to refute chicken cartel allegations	https://www.theedgemarkets.com/article/five-producers-given-more-time-refute-chicken-cartel-allegations	THEEDGEMARKETS
27-Oct	Lima syarikat makanan ayam dikesan terlibat perjanjian kartel	https://www.utusan.com.my/berita/2022/10/lima-syarikat-makanan-ayam-dikesan-terlibat-perjanjian-kartel/	UM

27-Oct	Lima pengeluar ayam diberi lanjutan masa kemuka representasi	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2132360	BERNAMA
27-Oct	Lima pengeluar ayam diberi lanjutan masa kemuka representasi	https://www.utusansarawak.com.my/?p=35984	UTUSANSARAWAK
27-Oct	Didakwa terlibat kartel ayam, 5 syarikat diminta kemuka representasi	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/10/26/didakwa-terlibat-kartel-ayam-5-syarikat-diminta-kemuka-representasi/	FMT
27-Oct	19 Disember tarikh akhir jawab isu kartel ayam- MyCC	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/896444/19-disember-tarikh-akhir-jawab-isu-kartel-ayam-mycc	HM
27-Oct	Five producers given more time to refute chicken cartel allegations	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2132395	BERNAMA
27-Oct	Five producers given more time to refute chicken cartel allegations	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/26/five-producers-given-more-time-to-refute-chicken-cartel-allegations	THESTAR
27-Oct	5 Syarikat Diberi Tempoh Hingga 19 Disember Jawab Isu Kartel Ayam	https://www.buletintv3.my/nasional/5-syarikat-diberi-tempoh-hingga-19-disember-jawab-isu-kartel-ayam/	BULETINTV3
27-Oct	Chicken cartel: five companies have until Dec 19 to submit representations	https://www.thevibes.com/articles/news/75318/chicken-cartel-five-companies-have-until-dec-19-to-submit-representations	THEVIBES
27-Oct	Five producers given more time to refute chicken cartel allegations	https://www.thesundaily.my/local/five-producers-given-more-time-to-refute-chicken-cartel-allegations-IF10041191	THESUNDAILY

27-Oct	Perjanjian kartel melibatkan lima syarikat mega	https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/49641-perjanjian-kartel-libatkan-lima-syarikat-mega-2	BERITARTM
27-Oct	Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry: Five producers given more time to refute chicken cartel allegations	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/10/26/domestic-trade-and-consumer-affairs-ministry-five-producers-given-more-time-to-refute-chicken-cartel-allegations/35763	MALAYMAIL
27-Oct	Kartel Ayam MyCC lanjut tempoh representasi lima syarikat ke 19 Disember	https://youtu.be/BLxq2s5Jgm0	ASTROAWANI
27-Oct	Dakwaan kartel ayam, 5 syarikat perlu jawab sebelum 19 Disember	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1017017/dakwaan-kartel-ayam-5-syarikat-perlu-jawab-sebelum-19-disember	BH
27-Oct	Kos operasi meningkat antara punca ladang kecil hasil telur tutup operasi	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1016981/kos-operasi-meningkat-antara-punca-ladang-kecil-hasil-telur-tutup	BH
27-Oct	Isu tiket mahal dibawa kepada Kementerian Pengangkutan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/227763	SH
27-Oct	KPDNHEP menyampaikan bantuan kepada penghuni Rumah Seri Kenangan	https://dayakdaily.com/kpdnhep-menyampaikan-bantuan-kepada-penghuni-rumah-seri-kenangan/	DAYAKDAILY
27-Oct	Yap sumbang keperluan harian, makanan kepada Rumah Seri Kenangan, Batu 12	https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/26/yap-sumbang-keperluan-harian-makanan-kepada-rumah-seri-kenangan-batu-12	UMBORNEO
27-Oct	Belum bincang tindakan individu jual Peranti Siswa	https://wartaoriental.com/2022/10/27/belum-bincang-tindakan-individu-jual-peranti-siswa/	WARTAORIENTAL